

ANJAKAN PARADIGMA PEROLEHAN KOPERASI **DI NEGERI SARAWAK**

Frank Me-Ol Abdullah
frank@mkm.edu.my
Maktab Koperasi Malaysia
Zon Sarawak

Pengenalan

Transformasi ataupun perubahan merupakan sesuatu yang perlu dilalui oleh mana-mana negara, organisasi, syarikat, individu dan sebagainya sekiranya mereka ingin berada pada tahap yang terkehadapan daripada tahap semasa. Transformasi yang positif sudah pasti membawa kepada kebaikan dan kejayaan kepada individu atau organisasi tersebut. Khairul Azhar (2015), menyatakan bahawa perubahan daripada satu keadaan atau sikap yang mundur, ketinggalan, kegagalan kepada satu keadaan dan sikap yang lebih baik serta cemerlang ialah satu keinginan yang murni.

Walau bagaimanapun, transformasi ataupun perubahan yang positif yang diidamkan itu bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia memerlukan keazaman yang kuat ataupun anjakan paradigma dalam diri individu terbabit yang akan memulakan perubahan tersebut disusuli dengan perancangan yang sistematik serta berhati-hati. Tanpa anjakan paradigma, transformasi ataupun perubahan itu tidak akan berlaku.

Paradigma berasal daripada perkataan Greek 'paradeigma', yang membawa maksud model, bentuk atau contoh. Maksud paradigma boleh dijelaskan dengan melihat sesuatu situasi atau keadaan berasaskan kepada andaian umum, dan bagaimana kita boleh berjaya dalam lingkungan atau batasan yang ditetapkan (Mohd Razali Maarof, 2015). Bagi membolehkan sesuatu transformasi yang luar biasa itu berlaku, anjakan paradigma ataupun perpindahan dari satu situasi kepada situasi yang baru, yang melibatkan perubahan yang lebih positif perlu ada. Ia melibatkan anjakan pemikiran seseorang atau organisasi pada satu-satu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan dan kesedaran (DBP, 2006). Kebiasaannya, anjakan paradigma sering dikaitkan dengan anjakan kepada sesuatu lingkungan fikiran yang lebih baik.

Dalam konteks koperasi, anjakan paradigma merupakan sesuatu yang amat diperlukan untuk menggalas transformasi dan pembaharuan dalam sektor tersebut. Kerajaan melalui Dasar Koperasi Negara (DKN) II (2011-2020), telah menyasarkan sektor koperasi menyumbang sekurang-kurangnya RM50 bilion kepada KDNK negara menjelang tahun 2020. Namun, tanpa langkah proaktif pihak berkepentingan dan koperasi sendiri untuk memperbaiki keadaan sedia ada, sasaran tersebut amat sukar untuk akan menjadi kenyataan. Transformasi yang menyeluruh dan efektif hasil daripada anjakan paradigma yang sesuai diperlukan agar setiap koperasi memainkan peranan yang signifikan dalam membantu mencapai objektif tersebut.

Proses anjakan paradigma dalam koperasi tidak boleh dimulakan oleh sesiapa melainkan oleh anggota dan ALK koperasi tersebut sendiri. Kegagalan mereka untuk mengambil tindakan drastik dan berubah dari kedudukan sedia ada akan menyebabkan koperasi terus ketinggalan. Ini turut dijelaskan oleh salah satu nilai dalam koperasi iaitu koperasi perlu bertanggungjawab ke atas diri mereka sendiri. Ini bermaksud semua

tindakan, prestasi dan kedudukan semasa koperasi adalah hasil daripada keputusan yang telah diambil oleh anggota koperasi. Kejayaan dan kegagalan sesebuah koperasi itu secara tidak langsung menterjemahkan bagaimana nilai tersebut diaplikasikan di dalam koperasi.

Senario Koperasi di Negeri Sarawak

Di Sarawak, koperasi bukanlah sesuatu yang baru. Bermula dengan penubuhan koperasi pertama pada 3 Mei 1949, sektor itu terus berkembang dengan statistik tahun 2014 menunjukkan terdapat 917 koperasi berdaftar dengan jumlah anggota melebihi 300 ribu orang di Sarawak. Berdasarkan perolehan pula, koperasi di Sarawak berjaya mencapai perolehan sebanyak RM144 juta pada tahun 2014 penurunan daripada RM177 juta berbanding tahun 2013.

Walaupun sektor itu terus menunjukkan pertumbuhan dari segi pendaftaran serta keanggotaan koperasi di Sarawak, namun pencapaian gerakan koperasi di negeri tersebut dari segi perolehan kewangan

belum lagi boleh dibanggakan. Secara keseluruhannya, di peringkat nasional, perolehan sektor koperasi di Sarawak berada pada kedudukan keempat terendah hanya lebih baik dari Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis manakala dalam kategori koperasi tidak aktif pula, koperasi di Sarawak berada pada kedudukan kedua tertinggi selepas Selangor iaitu sebanyak 238 koperasi. Kedua-dua statistik tersebut memberi gambaran realiti kedudukan sebenar sektor koperasi di negeri Sarawak bagi mengelakkan warga koperasi di negeri tersebut terus selesa dengan pencapaian masing-masing bak pepatah 'belum duduk sudah telunjuk'. Fenomena ini meyakinkan bahawa satu anjakan paradigma yang genting diperlukan untuk mentransformasikan perolehan sektor koperasi di negeri Sarawak.

Anjakan paradigma bagi mentransformasikan perolehan koperasi di Sarawak perlu bermula dengan melihat sejauh mana kekuatan setiap koperasi di negeri

Transformasi yang menyeluruh dan efektif hasil daripada anjakan paradigma yang sesuai diperlukan agar setiap koperasi memainkan peranan yang signifikan di dalam membantu mencapai objektif tersebut.

tersebut. Kewujudan lebih 900 koperasi dengan kekuatan masing-masing merupakan peluang yang harus dioptimum mungkin oleh warga koperasi. Penggembleran sumber dan kerjasama yang kuat di antara koperasi di negeri itu mampu memaksimumkan lagi potensi perniagaan sedia ada. Setiap koperasi perlu melihat bagaimana kerjasama sesama koperasi ini boleh dilakukan. Misalnya, koperasi yang menjalankan aktiviti peruncitan boleh menjalinkan kerjasama dengan koperasi yang menjalankan perniagaan pengangkutan ataupun

koperasi yang menjalankan perniagaan pemborongan. Dengan saling bergantung di antara satu sama lain, koperasi-koperasi ini secara tidak langsung telah memberi peluang perniagaan ke atas koperasi yang berbeza tanpa perlu bergantung kepada pihak swasta atau pihak ketiga.

Anjakan Paradigma Koperasi di Negeri Sarawak

Sepertimana yang ditekankan di dalam prinsip koperasi, kerjasama di antara koperasi merupakan satu kaedah mudah untuk membangunkan ekonomi sesama koperasi dan secara tidak langsung memberi impak yang signifikan ke atas perolehan koperasi. Sylvester Gadzola (2011), di dalam penulisan beliau bertajuk "The Importance of Cooperative Principles in the Financial Cooperative Model" menekankan bahawa prinsip kerjasama di dalam koperasi mampu memberi impak sosial yang tinggi kepada komuniti.



Selain daripada itu, anjakan paradigma perolehan koperasi ini juga boleh dicapai dengan setiap koperasi di Sarawak membuat penanda aras dengan koperasi lain yang lebih berjaya di dalam persekitaran perniagaan yang serupa. Proses ini secara tidak langsung akan memberi motivasi untuk mencapai kedudukan yang sama dengan mempelajari rahsia kejayaan koperasi penanda aras dan seterusnya membentuk satu pelan tindakan untuk koperasi mereka sendiri untuk mencapai perkara yang sama.

Bennin dan Nanus (1985), menyatakan bahawa dengan memberi fokus kepada pelan tindakan, pemimpin organisasi akan beroperasi menggunakan sumber emosi dan rohani organisasi, nilai-nilainya, iltizam dan aspirasi. Ini menunjukkan bahawa di dalam proses anjakan paradigma, perkara pertama yang perlu dipupuk adalah kesedaran matlamat akhir

atau *ultimate goal*. Stephen Covey (2004), turut menyatakan agar kita bermula dengan matlamat akhir di minda. Oleh itu, iltizam dan aspirasi inilah yang akan menjadi faktor penolak kepada tindakan koperasi seterusnya membawa kepada perubahan menyeluruh di dalam koperasi tersebut.

Anjakan paradigma seterusnya yang perlu dilakukan oleh warga koperasi di Sarawak adalah dengan mempelbagaikan lagi perniagaan sedia ada. Peningkatan dalam perolehan koperasi hanya akan berlaku sekiranya sektor koperasi lebih proaktif dalam mencari peluang perniagaan baharu atau mengembangkan perniagaan sedia ada. Koperasi perlu dari masa ke semasa melakukan penilaian perniagaan semasa bukan kerana perniagaan yang dijalankan itu merugikan tetapi untuk mencari kaedah bagaimana koperasi boleh mendapatkan pulangan yang paling maksimum daripada

perniagaan yang dijalankan. Irfan Khairi (2006), menyatakan bahawa pasaran memberi pulangan yang hebat kepada mereka yang hebat di dalam industri masing-masing.

Isu dan Cabaran di Negeri Sarawak

Sudah tiba masanya koperasi di Sarawak bergerak seiring dengan sektor swasta yang pantas merebut setiap peluang yang ditawarkan dan bukan sekadar berpuas hati dengan perniagaan sedia ada. Warga koperasi perlu muhasabah diri dan mempersoalkan 'Adakah ini merupakan prestasi terbaik dalam koperasi yang ingin di capai?' Koperasi yang terlibat di dalam aktiviti homestay misalnya bukan sekadar terhad di dalam perniagaan itu sahaja bahkan mengintegrasikan ataupun meliputi keseluruhan subsektor lain dalam sektor pelancongan termasuk melibatkan pakej pengangkutan, penyediaan makanan, aktiviti



Rajah 1: Perniagaan berasaskan aktiviti pelancongan yang boleh diceburi oleh koperasi

ekopelancongan, jurupandu, cenderamata dan tempahan tiket. Penglibatan koperasi secara lengkap dalam rantai perniagaan tersebut membolehkan koperasi mengawal setiap peringkat dan proses pelaksanaannya.

Anjakan paradigma juga menolak segala persoalan lapuk sebelum ini seperti isu masalah kewangan, kepakaran dan tadbir urus. Koperasi perlu membuang tabiat sekadar menunggu bantuan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ataupun Maktab Koperasi Malaysia (MKM) semata-mata bahkan mereka boleh membentuk gabungan koperasi asas menjadi sebuah koperasi menengah bagi menyelesaikan masalah-masalah kewangan dan kepakaran. Pendekatan seperti ini telah lama dipraktikkan di luar negara seperti Jepun, Korea Selatan dan India setiap koperasi asas yang menjadi ahli masing-masing menyumbang modal dan kepakaran. Koperasi menengah tersebut juga boleh membantu dari segi pemasaran dan pemprosesan hasil yang di keluarkan oleh koperasi asas.

Dari segi tadbir urus pula, ketiga-tiga unit dalam koperasi iaitu ALK, pengurusan dan anggota koperasi perlu berganding bahu dan meletakkan tanggungjawab, akauntabiliti, integriti dan pembuatan keputusan berhemah pada tahap tertinggi bagi memastikan proses pelaksanaan tadbir urus lancar dan mudah. Mereka juga perlu sedar bahawa tadbir urus merupakan tali pengikat kepada hubungan setiap unit di dalam koperasi tersebut. Dari segi operasi harian koperasi, anjakan paradigma memerlukan ALK dan pengurusan koperasi

untuk lebih bertanggungjawab ke atas prestasi koperasi. Pengurusan Melalui Objektif (MBO) ataupun penggunaan Key Performance Indicator (KPI) perlu bagi memastikan setiap ALK dan kakitangan pengurusan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Kejayaan mencapai sasaran secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan positif perolehan koperasi. Mana-mana ALK dan kakitangan yang berjaya mencapai sasaran tersebut perlu diberi ganjaran yang sesuai. Menurut Brophy (1981), peneguhan positif yang diberikan kepada individu yang mampu mencapai sasaran boleh memberi motivasi kepada mereka untuk terus memberikan yang terbaik. Bagi memastikan mereka mampu terus mentransformasi perolehan koperasi, maka latihan dan kursus yang sesuai perlu dihadiri dari semasa ke semasa bagi memperbaiki diri dan memajukan diri ke satu tahap kemahiran yang selaras dengan pertumbuhan koperasi dari segi saiz dan kompleksitinya.

Kesimpulan

Hakikatnya anjakan paradigma menuntut koperator di Sarawak agar berpegang kepada prinsip 'masa itu emas'. Peluang dan masa tidak akan menunggu sesiapa. Sejajar dengan sasaran kerajaan negeri untuk mencapai status negeri maju menjelang tahun 2030, koperasi akan terus ketinggalan jika anjakan paradigma di dalam sektor tersebut gagal dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Tindakan tunggu dan lihat tidak boleh lagi disandarkan dalam ekonomi kompetitif masa kini. McClelland (1978), menyatakan

Penggemblengan sumber dan kerjasama yang kuat di antara koperasi di negeri itu mampu memaksimumkan lagi potensi perniagaan sedia ada. Setiap koperasi perlu melihat bagaimana kerjasama sesama koperasi ini boleh dilakukan.

bahawa motivasi akan meningkat jika, pertama individu tersebut diberi motivasi dan kedua, memahami unsur-unsur motivasi serta ketiga, melibatkan diri secara aktif dalam usaha itu. Perkara ini menjelaskan proses motivasi itu bertindak secara dua hala, dan kedua-dua pihak pula mestilah saling memberi dan menerima. Ini bermaksud ALK dan pengurusan koperasi perlu keluar daripada takuk rutin harian, mencuba dan turut terlibat di dalam pelaksanaan sesuatu yang baru jika mereka ingin memberi pulangan terbaik kepada koperasi mereka.

Melalui anjakan paradigma, semua pihak yang berkepentingan perlulah menggembleng tenaga ke arah menjadikan sektor koperasi Sarawak mencapai transformasi dalam perolehannya, disegani dan menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi rakyatnya. Sudah tiba masanya istilah 'Wreck Train Manager' yang asyik menyalahkan pihak lain ke atas kegagalan sesuatu usaha itu tidak diguna pakai lagi tetapi masing-masing memainkan peranan ke arah usaha transformasi yang diinginkan.